



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
AHAD 26 MAC 2023**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR  | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI                        |
|-----|---|---|
| 1.  | HARGA AYAM NAIK, KPDN TUNGGU MAFS, SEMASA, KOSMO AHAD -10                                       | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 2.  | MAT SABU AND TRADERS WILL DISCUSS ABOUT FIXING PORK PRICE ON 28 MAC, NEWS, GUANG MING DAILY -A5 |   |
| 3.  | FAMA DIGERAK LAKUKAN INTERVENSI PASARAN TANGANI STOK MENCUKUPI, ASTRO AWANI -ONLINE             | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)        |
| 4.  | BEKALAN BAHAN MENTAH CUKUP SEPANJANG RAMADHAN, AIDILFITRI, KOSMO -ONLINE                        |   |
| 5.  | FAMA BUKA TIGA BAZAR DI SABAH TAWAR HARGA BERPATUTAN, BERITA RTM -ONLINE                        |   |
| 6.  | GUAN ENG: PORK PRICE HIKE ISSUE WILL BE DISCUSSED NEXT TUESDAY, NATION, KWONG WAH YIT POH -A10a | LAIN-LAIN   |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

|            |                                   |             |                     |
|------------|-----------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | Harga ayam naik, KPDN tunggu MAFS |             |                     |
| MediaTitle | Kosmo Ahad                        |             |                     |
| Date       | 26 Mar 2023                       | Color       | Full Color          |
| Section    | Semasa                            | Circulation | 166,774             |
| Page No    | 10                                | Readership  | 500,322             |
| Language   | Malay                             | ArticleSize | 356 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | HARRITH HISHAM                    | AdValue     | RM 9,239            |
| Frequency  | Daily                             | PR Value    | RM 27,717           |



**SALAHUDDIN (empat dari kiri) melihat pakaian raya yang dijual pada harga potongan di Majlis Pelancaran Jualan Rahmah Hari Raya pakaian jenama Sabella di Batu Caves semalam.**

Tiada perancangan naikkan harga kawalan

# Harga ayam naik, KPDN tunggu MAFS

Oleh HARRITH HISHAM

**SELAYANG** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) akan mendapatkan data bekalan daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) berhubung isu kenaikan harga ayam.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, kenaikan harga barang mentah itu ketika ini mungkin disebabkan isu bekalan yang mana di bawah tanggungjawab MAFS.

“Walaupun semalam Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah mengeluarkan angka, namun kita akan dapatkan fakta dan maklum balas daripada Kementerian Pertanian kerana bekalan (ayam) adalah di bawah tang-

gungjawab mereka.

“Apabila bekalan itu kita dapat tentukan faktanya, barulah kita akan lihat dari segi harga (ayam) tersebut,” katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan Jualan Rahmah Hari Raya Sabella, di sini semalam.

Dalam pada itu, Salahuddin berkata, pihaknya tidak mempunyai perancangan untuk menaikkan harga kawalan bagi barang mentah itu ketika ini.

Terdahulu, Kosmo! melaporkan purata harga ayam standard pada bulan Februari 2023 meningkat kepada RM10.33 sekilogram berbanding RM9.46 pada Februari 2022 yang mana turut mele过si harga kawalan ditetapkan iaitu RM9.40.

Mengulas mengenai Payung

Rahmah hanyalah sebagai pertunjukan politik, beliau berpandangan bahawa orang ramai perlu melihat inisiatif tersebut secara objektif.

“Kita harus lihat program itu secara objektif kerana inisiatif Payung Rahmah ini merupakan sesuatu pendekatan di mana satu barang yang sangat sukar kita turunkan harganya atas faktor bekalan, cuaca dan juga isu antarabangsa, dapat kita turunkan barang dengan adakan Jualan Rahmah.

“Jadi, sesiapa pun yang ingin memberi pandangan tentang inisiatif Payung Rahmah perlu mendapatkan fakta yang betul kerana isu kos sara hidup tidak boleh kita selesaikan dengan hanya harapkan harga barang turun,” ujarnya.

|            |   |             |                     |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline   | Mat Sabu and traders will discuss about fixing pork price on 28 Mar |             |                     |
| MediaTitle | Guang Ming Daily  |             |                     |
| Date       | 26 Mar 2023   | Color       | Full Color          |
| Section    | News  | Circulation | 49,712              |
| Page No    | A5  | Readership  | 149,136             |
| Language   | Chinese   | ArticleSize | 179 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A   | AdValue     | RM 2,696            |
| Frequency  | Daily   | PR Value    | RM 8,088            |



# 末沙布見肉販進口商 28日商穩定豬價

( 槟城25日讯 ) 峇眼区国

会议员林冠英披露，农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布已同意在下周二（28日）召开会议，接见本地猪肉商贩和进口商，共商讨猪价暴涨问题。

他是在脸书发帖提及，受非洲猪瘟与饲料涨价等问题影响，本地猪肉价格一涨再涨，民众为减少开销而选择少买猪肉，导致猪肉贩的生意受到冲

击。

## 一再涨价民众吃不消

他声称，他、农粮部副部长陈泓缣和数名国会议员届时亦会出席有关会议，了解目前的市场情况，探讨稳定我国猪价的方案。

他说，我国原本有意从国外进口猪肉，但因一些因素而搁置。他将在会议上关注此事，并研究适合的进口来源国。

据他所了解，本地生猪肉价格已涨至每公斤约39令吉，进口猪脚涨至19令吉50仙，让消费者却步。他将与相关部门共商方案，好让民众不必吃贵猪肉。（TKM）

| TARIKH    | MEDIA          | RUANGAN | MUKA<br>SURAT |
|-----------|----------------|---------|---------------|
| 26/3/2023 | ASTRO<br>AWANI | ONLINE  |               |

## FAMA digerak lakukan intervensi pasaran tangani stok mencukupi



Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah mengarahkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) melakukan intervensi pasaran bagi memastikan kekurangan bekalan telur dapat diatasi. Timbalan Menterinya, Chan Foong Hin berkata, hal itu penting supaya agihan bekalan telur di semenanjung diedarkan seimbang dan semua negeri tidak akan mengalami kekurangan bekalan

| TARIKH    | MEDIA | RUANGAN | MUKA<br>SURAT |
|-----------|-------|---------|---------------|
| 26/3/2023 | KOSMO | ONLINE  |               |

## Bekalan bahan mentah cukup sepanjang Ramadan, Aidilfitri



KOTA KINABALU – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan memaklumkan tiada isu mengenai kekurangan barang basah termasuk ayam dan telur bagi sepanjang Ramadan serta musim perayaan hari raya Aidilfitri.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Chan Foong Hin berkata, pihaknya setakat ini belum menerima sebarang aduan tentang kekurangan bekalan barang dan menjangkakan semuanya mencukupi untuk menampung kehendak pengguna di seluruh negara.

“Stok bahan mentah untuk hari raya memang mencukupi setakat ini.

“Pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mahupun kementerian kita memainkan peranan sama di dalam isu ini namun kementerian lebih kepada bekalan manakala KPDN untuk isu harga,” katanya.

Foong Hin berkata demikian ketika ditemui media selepas merasmikan Pelancaran Bazar Ramadan FAMA di Bazar Ramadan Asia City hari ini.

Turut diagihkan 1,000 bekas bubur lambuk dan 300 pek kurma kepada pengunjung Bazar Ramadan Asia City.

Sementara itu, Foog Hin berkata, FAMA membuka tiga tapak bazar ramadan utama iaitu Asia City, Taman Putera Jaya Telipok dan Pusat Islam Universiti Malaysia Sabah (UMS). – KOSMO! ONLINE

| TARIKH    | MEDIA         | RUANGAN | MUKA<br>SURAT |
|-----------|---------------|---------|---------------|
| 26/3/2023 | BERITA<br>RTM | ONLINE  |               |

## FAMA buka tiga bazar di Sabah tawar harga berpatutan



**KOTA KINABALU, 26 Mac-** Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), membuka tiga lokasi Bazar Ramadan di Sabah, bagi memberi peluang kepada orang ramai membeli pelbagai juadah berbuka puasa pada harga berpatutan.

Timbalan Menterinya Chan Foong Hin berkata tiga lokasi berkenaan ialah di Asia City, Taman Putera Jaya Telipok dan Pusat Islam Universiti Malaysia Sabah, dengan melibatkan seramai 131 penjual.

“Saya melihat sambutan terhadap Bazar Ramadan pada kali ini cukup baik, dengan kehadiran ramai pengunjung tidak kira yang beragama Islam atau tidak...ini menunjukkan sektor ekonomi kita semakin rancak berbanding pada tahun-tahun lepas, selepas negara dilanda COVID-19.

“Saya berharap orang ramai di sekitar kawasan berkenaan, dapat meluangkan masa berkunjung ke Bazar Ramadan FAMA kerana harga yang berpatutan untuk semua juadah yang dijual, selain itu kebersihan juga sangat baik, dan pihak berkuasa sering membuat pemantauan,” katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Terdahulu beliau meninjau Bazar Ramadan FAMA Asia City di sini yang telah memasuki tahun ke-21 penganjurannya sejak 2001.



“Pada tahun ini FAMA menyasarkan RM800,000 jualan di Bazar Asia City dan saya jangkakan sasaran berkenaan dapat dicapai, berikutan sambutan yg sangat mengalakkan dengan penyertaan 95 usahawan,” tambahnya.

Pada masa yang sama, Chan berkata rentetan pelancaran Jualan Ramadan Madani Peringkat

Kebangsaan di Pasar Tani Putrajaya pada 17 Mac lepas, FAMA Sabah turut membuka tiga lokasi Jualan Ramadan Madani di Pasar Tani Asia City, Pasar Tani Keningau dan Pasar Tani Putrajaya, Telipok.

**"Jualan Ramadan Madani telah diadakan di 103 lokasi di seluruh negara melibatkan 5,124 orang usahawan," katanya. -BERNAMA**

|            |   |             |                    |
|------------|---|-------------|--------------------|
| Headline   | Guan Eng : Pork price hike issue will be discussed next Tuesday |             |                    |
| MediaTitle | Kwong Wah Yit Poh   |             |                    |
| Date       | 26 Mar 2023   | Color       | Full Color         |
| Section    | Nation  | Circulation | 59,667             |
| Page No    | A10a  | Readership  | 179,000            |
| Language   | Chinese   | ArticleSize | 58 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A   | AdValue     | RM 650             |
| Frequency  | Daily   | PR Value    | RM 1,950           |



## 林冠英：下周二将与农长开会 讨论猪价暴涨问题

(槟城 25 日讯) 民主行动党全国主席林冠英指出，他已联系农业及粮食安全部部长拿督斯里莫哈末沙布，并获后者同意将于下周二（28 日）召开会议，会见本地猪肉商贩和进口商，讨论猪价暴涨问题。

他在脸书发文表示，因受到非洲猪瘟与饲料涨价等问题的影响，本地猪肉价节节攀升，民众为减少开销而不买猪肉，猪肉贩生意也备受影响。

届时，他将与农业及粮食安全部副部长陈泓缘，及数名国会议员亦会出席会议，以了解目前的市场情况，探讨稳定我国猪价的方案。

“此外，我国原本是要从国外进口猪肉，但却因为一些原因而被搁置。我在会上亦会关注其中原由，并研究适合的进口来源国。”

他说，据了解，本地生猪肉价格已涨至每公斤约 39 令吉，进口猪脚则涨至 19 令吉 50 仙，使得消费者却步。

“我将与相关部门共商解决方案，以便民众不用吃贵猪肉。”#



林冠英。